

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15 JUNE 2016

YANG UNTUNG TETAP DAP

Um - 15/6/2016

DALAM politik memang tidak ada musuh dan kawan yang kekal, tetapi bukan bermaksud mana-mana ahli politik boleh melaksanakan matlamat menghalalkan cara apabila sanggup bersekongkol dengan sesiapa sahaja bagi mencapai cita-cita politiknya, apatah lagi bertujuan melunaskan dendam peribadi.

Bagaimanapun, Pas ternyata mengotakan janjinya untuk mengamalkan politik matang dan bukannya mengambil kesempatan apabila menolak pelawaan bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk membincangkan rancangan bagi menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Abdul Hadi mendedahkan pelawaan itu yang berlaku tiga bulan lepas berkata, penolakan tersebut memandangkan Pas menganggap tindakan itu tidak memberi sebarang faedah kepada beliau mahupun parti itu.

Tindakan Abdul Hadi dan Pas itu jauh lebih bermaruah berbanding DAP dan 'kuda tunggangannya' PAN yang secara tiba-tiba sanggup berada sepentas dengan Dr. Mahathir, kononnya atas dasar mahu menyelamatkan Malaysia melalui pelancaran apa yang dipanggil 'Deklarasi Rakyat'.

Kesediaan mereka untuk bekerjasama dengan Dr. Mahathir bukan ikhlas malah jauh sekali daripada bermatlamat demi rakyat, tetapi mereka ingin menggunakan sisa-sisa sokongan yang dimiliki oleh Dr. Mahathir untuk meraih kuasa.

Tetapi ternyata setakat ini, apa yang cuba dilakukan oleh kedua-dua parti itu tidak memberikan apa-apa kesan, malah gerakan tersebut turut dicurigai dan ditentang oleh sesetengah pemimpin kanan PKR.

Pas sebenarnya boleh sahaja memperalatkan Dr. Mahathir bagi mencapai cita-cita politik mereka, tetapi parti itu tidak mahu mengamalkan politik sedemikian, sebaliknya Pas mempunyai pendekatan sendiri.



**KOMENTAR
ZUL BAKAR**

zulkifleebakar@gmail.com

Kalaulah awal-awal lagi terpaksa bergantung kepada DAP, sudah pasti kita dapat membayangkan apa akan berlaku jika PAN diberi kuasa atau calon mereka memenangi sama ada kerusi Parlimen mahupun Dewan Undangan Negeri

Tambahan pula Pas sudah cukup serik dengan kebiadaban DAP dan amat memahami sepak terajang parti tersebut ketika mereka bersama-sama dalam pakatan pembangkang. Pas tahu DAP tidak akan melakukan atau menyokong sesuatu tindakan kalau tidak memberikan keuntungan politik kepada mereka.

Justeru Pas dalam keadaan apa sekalipun tidak mahu lagi bersekongkol dengan DAP biar pun wujudnya gerakan yang dipelopori oleh Dr. Mahathir. Bagaimanapun DAP agak bernasib baik kerana mendapat sokongan padu daripada PAN dalam tindakan mereka.

Bagaimanapun sama ada PAN mahupun Dr. Mahathir, kedua-duanya tidak akan mendapat apa-apa faedah melalui kesepakatan dengan DAP khususnya dari segi mendapat sokongan pengundi Melayu. Ini kerana jelas sekali kerjasama tersebut bermatlamat mahu memuaskan nafsu politik masing-masing sahaja. Ketiga-tiga pihak dilihat mempunyai agenda tersendiri dan bukannya bertujuan membela nasib rakyat.

Atas pandangan itulah gerakan



BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bersama Penasihat DAP, Lim Kit Siang menghadiri ceramah PAN pada kempen Pilihan Raya Kecil Parlimen Sungai Besar, di Sekinchan, Selangor, baru-baru ini. - UTUSAN/HAFIZ JOHARI

Dr. Mahathir semakin tidak mendapat sambutan manakala PAN pula semakin dipinggirkan oleh pengundi-pengundi Melayu. Satu sumber memberitahu penulis, sama ada di Parlimen Kuala Kangsar mahupun Sungai Besar, kehadiran PAN dan Dr. Mahathir yang disokong oleh DAP tidak mendapat sokongan orang Melayu.

"Pengundi Melayu melihat PAN hanya alat DAP dan mengharapkan DAP untuk menggerakkan jentera pilihan raya, tanpa bantuan DAP, PAN sama sekali tidak akan berupaya berkempen dalam pilihan raya kecil yang diadakan," kata sumber itu ketika dihubungi.

Sebenarnya, ini bukanlah sesuatu yang mengejutkan. Selama ini pun pemimpin-pemimpin PAN bergelar 'Yang Berhormat' bukan kerana PAN, tetapi atas tiket Pas. Justeru tidak menghairankan kalau PAN terpaksa bergantung kepada DAP bagi membantu calonnya di Kuala Kangsar dan Sungai Besar.

Kalaulah awal-awal lagi terpaksa bergantung kepada DAP, sudah pasti kita dapat membayangkan apa akan berlaku jika PAN diberi kuasa atau calon mereka memenangi sama ada

kerusi Parlimen mahupun Dewan Undangan Negeri.

Begitu juga dengan Dr. Mahathir, orang Melayu melihat beliau semakin hanyut dengan agenda politiknya sehingga bersedia menjulang tangan pemimpin-pemimpin DAP asalkan impiannya menyingkirkan Perdana Menteri tercapai.

Tindakan itu dikatakan menimbulkan kemarahan banyak pihak yang tidak menjangka menyaksikan satu adegan politik yang memualkan seperti itu. Bagi PAN sebuah parti yang cukup lemah mereka menumpang kekuatan DAP dan bertenggek atas populariti Dr. Mahathir yang semakin pudar.

Namun apapun yang pasti sama ada Dr. Mahathir mahupun PAN, mereka tidak akan mendapat apa-apa keuntungan daripada DAP, sebaliknya DAP yang tetap untung. Sebab itulah, ada pihak berpandangan tindakan menjadikan DAP sebagai rakan setia bukanlah strategi politik yang baik khususnya dalam usaha meraih sokongan orang Melayu. Kenapa? Semua tahu jawapannya!